

20 MAY 2002

BANK-PILIHAN/I

M'SIA PILIHAN YANG BAIK, KATA BANK OF CHINA

Oleh: Mohd Kamel Othman

BEIJING, 20 Mei (Bernama) -- Malaysia merupakan pilihan yang baik untuk melabur bagi ahli perniagaan China kerana ia menawarkan banyak faedah tambahan, kata pengurus besar Bank of China (M) Bhd Zhang Lian Li.

Beliau berkata selain kestabilan sosial dan politik, Malaysia mempunyai sistem kewangan yang baik di samping kaya dengan sumber semulajadi.

Bercakap di seminar "Peluang Perniagaan Malaysia-China" di sini, hari ini, Zhang berkata ahli perniagaan China perlu merebut peluang untuk melabur di Malaysia kerana ia menawarkan prospek yang besar.

Bank of China di Kuala Lumpur yang mempunyai jumlah modal AS\$80 juta ditubuhkan pada Februari tahun lalu.

Ia mempunyai cawangan di Seremban, Ipoh, Batu Pahat, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Dalam tempoh setahun penubuhannya, skala aset bank itu mencecah RM490 juta.

"Kami telah mencapai skala aset dalam tempoh setahun. Berdasarkan kepada amalan antarabangsa, kami sepatutnya mengambil masa dua hingga tiga tahun untuk mencapainya tetapi kami hanya mengambil masa setahun sahaja di Malaysia," katanya kepada seminar yang dihadiri lebih 700 ahli perniagaan China.

Seminar yang diadakan di sini adalah acara terakhir daripada lawatan selama 10 hari rombongan perdagangan dan pelaburan yang diketuai oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz ke China. Seminar yang seumpama itu turut diadakan di Shanghai dan Dalian.

Zhang berkata mereka kagum dengan suasana pelaburan di Malaysia kerana ia menawarkan banyak pilihan berfaedah kepada pembangunan pasaran.

Apa yang lebih menarik adalah sepanjang krisis kewangan Asia pada 1997, Malaysia di bawah kepimpinan dinamik Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjaya mengemudi dan mengatasi kegawatan dengan kejayaan yang hebat, katanya.

Beliau menggesa ahli perniagaan China melihat Malaysia sebagai destinasi pelaburan kerana pihak berkuasa dan agensi kerajaan di negara itu memberikan kerjasama dan menyokong pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh syarikat asing.

"Kami (Bank of China) menerima banyak sokongan daripada jabatan kerajaan berkaitan di Malaysia dan saya percaya syarikat-syarikat China yang berminat menjalankan perniagaan di Malaysia akan mendapat layanan yang sama," katanya.

Bank of China mempunyai 13,000 cawangan di seluruh China. Di Beijing sahaja terdapat 199 cawangan. -- BERNAMA

MKO SD ZK